

From: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir -IPDM
Sent: Rabu, 12 Julai 2017 9:53 pg
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: UNS, IPDM JALIN KERJASAMA ANTARABANGSA



12 JULAI 2017 / 18 SYAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



IPDM ONLINE: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM), telah menerima kunjungan dari Fakulti Ilmu Budaya Universitas Sebelas Maret Indonesia (UNS) Solo, Indonesia.

Kunjungan Delegasi itu diketuai oleh Sekretaris Senat UNS iaitu Prof. Sahid Teguh Widodo. Manakala IPDM diwakili oleh Pengarah IPDM, PPjR. Dr. Hj. Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri.

Kunjungan pertama kali ini bertujuan melihat peluang kerjasama antara Fakulti Ilmu Budaya UNS dan IPDM.

Beberapa agenda penting telah dibincangkan untuk kerjasama iaitu *Publication* yang memfokuskan kepada Kepimpinan dan Polisi, *Chapter in Book* untuk menyediakan jurnal bersama dan peluang mengadakan seminar.

Sementara itu, Prof. Sahid berkata UUM merupakan antara Universiti terbaik, justeru kerjasama ini memberi makna yang besar kepada Fakulti Ilmu Budaya.

Dalam ucapan terakhir, Pengarah IPDM berharap hasil perbincangan dan cetusan idea yang dibincangkan akan menghasilkan satu kerjasama yang baik dalam memastikan kelancaran untuk program-program antarabangsa.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.